



KOLEJ YAYASAN PELAJARAN JOHOR
PEPERIKSAAN AKHIR

NAMA KURSUS : ASAS PENGURUSAN
KOD KURSUS : DPI 1033
PEPERIKSAAN : NOVEMBER 2017
TEMPOH MASA : 2 JAM 30 MINIT

ARAHAN KEPADA CALON:

1. Kertas peperiksaan ini mengandungi **TIGA (3)** bahagian: BAHAGIAN A (20 Markah)
BAHAGIAN B (40 Markah)
BAHAGIAN C (40 Markah)
2. Calon tidak dibenarkan membawa masuk sebarang peralatan ke dalam peperiksaan kecuali dengan kebenaran pengawas peperiksaan.
3. Sila semak dan pastikan set peperiksaan ini mengandungi:
 - i. Kertas Soalan
 - ii. Kertas Jawapan Objektif
 - iii. Buku Jawapan

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN SEHINGGA DIBERITAHU

KERTAS PEPERIKSAAN INI MENGANDUNGI 11 HALAMAN BERCETAK TERMASUK MUKA HADAPAN

BAHAGIAN A

Bahagian ini mengandungi **DUA PULUH (20)** soalan.

Jawab **SEMUA** dalam Kertas Jawapan Objektif.

- 1 Berikan definisi pengurusan?
 - A Memilih dan melaksanakan perkara yang tepat dan betul untuk memberi faedah kepada organisasi.
 - B Mengeluarkan barangan atau memberikan perkhidmatan yang diperlukan oleh pengguna.
 - C Menyudahkan sesuatu pekerjaan melalui pelaksanaan orang lain.
 - D Menyelaraskan sumber-sumber tenaga manusia, bahan atau sumber-sumber organisasi.

- 2 Manakah antara berikut **BENAR** mengenai kepentingan pengurusan?
 - A Perubahan organisasi lebih drastik.
 - B Membantu organisasi mencapai objektif.
 - C Mendapat keuntungan yang sedikit.
 - D Meregangkan hubungan antara pengurus dan pekerja.

- 3 Apakah takrif kecekapan di dalam pengurusan?
 - A Keupayaan seseorang pengurus untuk mencapai keluaran yang maksima dan meminimakan kos.
 - B Proses perancangan, pengorganisasian, pengarahan dan penjawatan.
 - C Pihak pengurusan yang telah diamanahkan untuk mentadbir dan menguruskan organisasi.
 - D Proses mengagihkan atau memperuntukkan input-input organisasi.

- 4 Berikan definisi membuat keputusan.
 - A satu proses memilih dan melaksanakan tugas dan seterusnya memberi faedah kepada organisasi.
 - B satu proses pencarian dalam pemilihan satu pilihan tindakan terbaik antara beberapa alternatif yang ada.
 - C satu proses kerja yang sama yang diulang-ulang oleh pekerja di dalam organisasi.

- D satu proses yang berterusan yang bukan hanya terlibat dengan penyediaan pelan tetapi kepada cara-cara menyelesaikan masalah.

5

- ✓ 1 hingga 5 tahun
- ✓ Dikenali sebagai sebagai perancang jangka masa pertengahan.

Pernyataan 1

Pernyataan di atas merujuk kepada ciri-ciri

- A perancangan strategik.
 - B perancangan taktikal.
 - C perancangan operasi.
 - D perancangan lanjut.
- 6 Antara berikut adalah **BENAR** mengenai peranan pengurus **KECUALI**
- A sebagai penghubung.
 - B sebagai penyebar maklumat.
 - C sebagai pembuat keputusan.
 - D sebagai penyelaras program.
- 7 Antara berikut, yang manakah turutan yang **BETUL** mengenai turutan proses pengurusan?
- i. Merancang
 - ii. Mengorganisasi
 - iii. Memimpin
 - iv. Mengawal
- A i, ii, iii, dan iv
 - B iv, iii, ii dan i
 - C i, iii, iv dan ii
 - D ii, iv, i dan iii

- 8 Apakah peranan bagi seorang pemimpin?
- A Memotivasi
 - B Percaya kepada persepsi
 - C Pergaulan mengikut jawatan yang dipegang
 - D Sentiasa sangsi dengan hasil kerja orang bawahan

9

- ✓ Bertanggungjawab terhadap keseluruhan pengurusan dan pentadbiran organisasi dan
- ✓ merangka polisi serta mengawasi perhubungan organisasi dengan persekitaran.

Pernyataan 2

Siapakah yang memikul tanggungjawab di pernyataan 2?

- A Pengurus atasan
- B Pembantu am
- C Pengurus piagam pelanggan
- D Pengurus khidmat pelanggan

10 Berikut merupakan kemahiran-kemahiran asas yang perlu dimiliki oleh seorang pengurus **KECUALI**

- A kemahiran teknik
- B kemahiran kemanusiaan
- C kemahiran konsep
- D kemahiran memasak

11 Manakah antara yang berikut merupakan kepentingan perancangan?

- i. Pencapaian matlamat
- ii. Memberi panduan
- iii. Memberi hala tuju
- iv. Alternatif pilihan

- A i, ii, iii dan iv
- B i, ii dan iii
- C ii, iii dan iv
- D i, ii dan i

12 Di dalam sesebuah struktur organisasi, terdapat pembahagian tugas individu dan kumpulan yang mana setiap jabatan ditugaskan dengan fungsi yang tersendiri. Pernyataan ini merujuk kepada _____.

- A pengkhususan tugas
- B penyeragaman aktiviti
- C mekanisme
- D motivasi kerja

- Tidak suka membuat kerja
- Cuba mengelak dari membuat kerja
- Kena dipaksa, dikawal atau digertak dengan hukuman

Pernyataan 3

13 Pernyataan di atas merujuk kepada ciri-ciri _____.

- A Teori A
- B Teori X
- C Teori B
- D Teori Y

14 Berikut merupakan kepentingan kepimpinan **KECUALI**

- A kepimpinan sebagai fungsi sempadan
- B bersedia untuk keadaan yang sering berubah
- C sebagai pelengkap carta organisasi
- D dinamik dalaman organisasi

15 Apakah takrif motif?

- A Sikap atau kelakuan seseorang yang sudah sehati dengan tabiat dirinya.

- B Pengaruh yang boleh menarik minat seseorang dan membimbing kepada pencapaian baik.
 - C Rangsangan dalaman sebagai pencetus semangat, penggerak kepada kelakuan seseorang.
 - D Satu rangsangan dalaman yang mendorong, mengaktif atau menggerak serta mengarah kelakuan individu.
- 16 "Pertukaran idea, pendapat, maklumat, perhubungan dan sebagainya yang mempunyai tujuan dan dipersembahkan secara peribadi melalui simbol atau isyarat yang bertujuan untuk mencapai matlamat organisasi".
Petikan di atas adalah definisi kepada _____.
- A mesyuarat
 - B gossip
 - C komunikasi
 - D persepsi
- 17 Antara yang berikut, yang manakah tidak termasuk di dalam proses komunikasi?
- A Penerima
 - B Saluran
 - C Pengirim
 - D Alat komunikasi

- Kawalan jenis ini adalah untuk mengelak sesuatu masalah seperti yang dijangka berlaku.
- Langkah pencegahan diambil sebelum aktiviti sebenar.

Pernyataan 4

Apakah jenis kawalan yang merujuk kepada pernyataan di atas

- A Kawalan semasa tindakan
- B Kawalan selepas tindakan
- C Kawalan serentak
- D Kawalan sebelum tindakan

19 Seorang pengurus yang mempunyai kemahiran menggunakan peralatan, peraturan, prosedur dan teknik dalam satu pekerjaan atau bidang merujuk kepada _____ .

- A kemahiran hidup
- B kemahiran teknik
- C kemahiran kemanusiaan
- D kemahiran konsep

20 Antara yang berikut, faktor manakah **BUKAN** ciri-ciri di dalam menetapkan piawaian?

- A Melambangkan kualiti
- B Jelas dan mudah diterima
- C Meletakkan penanda aras peringkat tertinggi
- D Bergantung kepada objektif organisasi

[20 MARKAH]

BAHAGIAN B

Bahagian ini mengandungi **EMPAT (4)** soalan.

Jawab SEMUA soalan di Buku Jawapan yang disediakan.

SOALAN 1

- a. Nyatakan **dua (2)** peranan utama seorang pengurus mengikut Henry Mintzberg (2 markah)
- b. Terangkan **empat (4)** kepentingan pengurusan (8 markah)

SOALAN 2

- a. Berikan definisi perancangan. (2 markah)
- b. Nyatakan **tiga (3)** prinsip perancangan. (3 markah)
- c. Berikan **lima (5)** kepentingan perancangan. (5 markah)

SOALAN 3

- a. Berikan maksud "kepimpinan pengurusan" (2 markah)
- b. Senaraikan **empat (4)** sebab mengapa kepimpinan penting di dalam organisasi. (4 markah)
- c. Senaraikan **dua (2)** konsep asas kepimpinan (4 markah)

SOALAN 4

- a. Nyatakan **dua (2)** jenis komunikasi secara tidak formal. (2 markah)
- b. Nyatakan **dua (2)** jenis komunikasi secara formal. (2 markah)
- c. Senaraikan **enam (6)** halangan komunikasi secara berkesan. (6 markah)

[40 MARKAH]

BAHAGIAN C

Bahagian ini mengandungi **dua (2)** soalan.

Jawab SEMUA soalan di dalam Buku Jawapan yang disediakan.

SOALAN 1

Pengurusan merupakan aspek terpenting di dalam sesebuah organisasi. Pengurusan boleh digambarkan sebagai sekumpulan ahli organisasi, iaitu pihak pengurusan yang telah diamanahkan untuk mentadbir dan menguruskan organisasi yang tugas-tugas mereka adalah untuk menghala dan mengarahkan segala usaha dan aktiviti individu dalam organisasi ke arah mencapai sesuatu matlamat.

- a. Terangkan **empat (4)** proses pengurusan. (12 markah)

- b. Senaraikan **empat(4)** cabaranyang dihadapi pengurus di dalam pengurusan (4 markah)

- c. Nyatakan **dua (2)** perbezaan di antara pengurus fungsi dan pengurus am. (4 markah)

SOALAN 2

Pengorganisasian adalah satu elemen penting di dalam sesebuah organisasi bagi menjamin kemandiriannya. Pengorganisasian yang hebat melahirkan sebuah organisasi yang mapan lengkap dengan pekerja yang setia dan berkaliber di dalam semua bahagian.

- a) Berikan definisi pengorganisasian. (2 markah)
- b) Terangkan **empat (4)** unsur struktur organisasi (8 markah)
- c) Terangkan **tiga (3)** konsep asas struktur organisasi (6 markah)
- d) Terangkan **dua (2)** aspek penting di dalam pembentukan struktur organisasi. (4 markah)

[40 MARKAH]**KERTAS SOALAN TAMAT**